

Nama Murid		Tahun	5
------------	--	-------	---

**012 INSTRUMEN PENILAIAN SEKOLAH
BIL 1 / 2015**

Bahasa Melayu

Penulisan

Mei 2015

1 $\frac{1}{4}$ jam

BAHASA MELAYU

Penulisan

TAHUN 5

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.*
2. *Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian.*
3. *Bagi Bahagian B, kamu boleh memilih sama ada menjawab Soalan 1, Soalan 2, atau Soalan 3.*
4. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruangan yang disediakan dalam kertas soalan ini. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas soalan.*

Kod Pemeriksa:		
Bahagian	No. Soalan	Markah
A		
B		
C		
JUMLAH		60

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak


Bahagian A**[10 markah]****[Masa dicadangkan : 15 minit]**

Gambar di bawah menunjukkan suasana di balai raya.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang gambar di bawah.




Bahagian A



[Lihat sebelah
B. MELAYU PERS - THN 5

Bahagian B**[30 markah]****[Masa dicadangkan : 40 minit]**

Pilih satu daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 80 patah perkataan.



1. Pengambilan makanan seimbang amat penting.

Tulis karangan tentang kepentingan makanan seimbang berdasarkan gambar dan maklumat yang diberi.

ATAU

2. Sekolah kamu telah mengadakan lawatan sambil belajar ke sebuah tempat yang menarik.

Tulis karangan tentang pengalaman kamu menyertai lawatan itu.


ATAU

3. Sekolah kamu akan mengadakan kempen keselamatan di jalan raya. Sebagai wakil murid, kamu dikehendaki menyampaikan ucapan tentang langkah-langkah mengelakkan kemalangan di jalan raya.

Tulis ucapan kamu selengkapnya.

Bahagian B

No. Soalan	
------------	--



Bahagian C

[20 markah]

[Masa dicadangkan : 20 minit]

Baca dan fahami petikan ucapan dan petikan iklan di bawah. Kemudian jawab semua soalan di bawah. Anda dikehendaki menulis jawapan yang lengkap.

Selamat pagi. Terima kasih saudara Pengacara Majlis. Yang Berusaha, Tuan Haji Nor Azmi bin Kassim, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Seri Rahmat, Guru-guru Penolong Kanan, guru-guru dan murid-murid yang saya kasih. Sebagai Yang Dipertua Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG), saya menyokong sepenuhnya penubuhan kelab ini.

Tahniah kepada pihak sekolah kerana berjaya menganjurkan Minggu Kelab Sukarelawan Muda dengan jayanya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Aktiviti yang dirancang memunjukkan komitmen warga sekolah untuk mewujudkan permuafakatan dalam kalangan masyarakat. Banyak manfaat yang akan kita peroleh jika kita seja sekata.

Hadirin sekalian,

Begitulah manfaatnya apabila kita saling sepakat. Akhir kata, sentiasalah bekerjasama untuk kesejahteraan hidup kita bersama-sama, bak kata pepatah “bulat air kerana pembetung bulat manusia kerana muafakat”.
Sekian, terima kasih.

KELAB SUKARELAWAN MUDA

Keanggotaan dibuka kepada semua murid yang berminat. Daftarkan segera kepada semua murid yang berminat. Daftarkan segera sekiranya kamu:

- Sentiasa bersedia menghulurkan bantuan tanpa mengira masa;
- Ikhlas menjalankan tugas;
- Sedia menghadapi cabaran;
- Bersemangat waja dan kental; dan
- Berdisiplin dan menepati masa.

Dapatkan borang permohonan daripada Puan Aisyah binti Azmi.

[Lihat sebelah

B. MELAYU (PEN) - THN 5

1. Siapakah yang boleh menyertai Kelab Sukarelawan Muda?

(1 markah)

2. Siapakah yang berucap sempena Minggu Kelab Sukarelawan Muda SK Seri Rahmat?

(2 markah)

3. Mengapa Minggu Kelab Sukarelawan Muda diadakan?

(2 markah)

4. Namakan 3 aktiviti yang boleh diadakan sempena Minggu Sukarelawan Muda.

(3 markah)

5. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan borang permohonan untuk menyertai Kelab Sukarelawan Muda?

(2 markah)

6. Nyatakan tiga ciri yang perlu ada bagi murid yang berminat untuk menyertai Kelab Sukarelawan Muda.


(3 markah)

7. Berikan maksud peribahasa "bulat air kerana pembetung bulat manusia kerana muafakat".

(3 markah)

8. Beri dua kesan yang akan kita peroleh apabila mengamalkan hidup muafakat.

(4 markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT****012****[Lihat sebelah
B. MELAYU (PEN) - THN 5**